

**PEMETAAN PERUNDANGAN SEKSYEN 70
AKTA TATACARA JENAYAH SYARIAH
(WILAYAH-WILAYAH PERSEKUTUAN) 1997
[AKTA 560]: IMPLIKASI TERHADAP KESALAHAN
JENAYAH SYARIAH DI ALAM SIBER**
*(Juridical Mapping of Section 70 of the Syariah Criminal
Procedure (Federal Territories) Act 1997 [Act 560]: Implications
for Syariah Criminal Offences in Cyberspace)*

*Tuan Muhammad Faris Hamzi Tuan Ibrahim*¹
tuanfaris.tf@gmail.com

*Muhammad Sobri Faisal*²
muhammadsobri@utm.my

*Mohamad Aniq Aiman Alias*³
aniqalias@usim.edu.my

*Ahmad Syukran Baharuddin*⁴
ahmadsyukran@usim.edu.my

Akademi Tamadun Islam, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti
Teknologi Malaysia (UTM), 81310 Skudai, Johor, Malaysia.^{1&2}

Fakulti Syariah dan Undang-undang, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM),
71800 Nilai, Negeri Sembilan, Malaysia.^{3&4}

Pengarang koresponden (*Coresponding author*):⁴

Rujukan makalah ini (*To cite this article*): Tuan Muhammad Faris Hamzi Tuan Ibrahim, Muhammad Sobri Faisal, Mohamad Aniq Aiman Alias, & Ahmad Syukran Baharuddin. (2025). Pemetaan perundangan Seksyen 70 Akta Tatacara Jenayah Syariah (Wilayah-wilayah Persekutuan) 1997 [Akta 560]: Implikasi terhadap kesalahan jenayah syariah di ruang siber. *Kanun: Jurnal Undang-undang Malaysia*, 37(2), 263–282. [https://doi.org/10.37052/kanun.37\(2\)no4](https://doi.org/10.37052/kanun.37(2)no4)

Makalah ini telah melalui proses penilaian sulit berganda
(*This article has gone peer review process*)

Peroleh: <i>Received:</i>	15/11/2024	Semakan: <i>Revised</i>	19/5/2025	Terima: <i>Accepted:</i>	27/5/2025	Terbit dalam talian: <i>Published online</i>	31/7/2025
------------------------------	------------	----------------------------	-----------	-----------------------------	-----------	---	-----------

Abstrak

Aktiviti jenayah syariah yang dahulunya konvensional, kini mengalami evolusi apabila sering dikaitkan dengan jenayah siber yang tidak mempunyai batasan geografi. Mahkamah syariah pula dibataskan pada bidang kuasa negeri sendiri sebagaimana Jadual 2 (Senarai Kedua Jadual Kesembilan) Perlembagaan Persekutuan. Timbul persoalan, sama ada peruntukan sedia ada masih relevan untuk digunakan dalam pembanterasannya jenayah siber atau terdapat keperluan pemindaan. Oleh itu, Seksyen 70 Akta Tatacara Jenayah Syariah Wilayah-wilayah Persekutuan 1997 [Akta 560] perlu diberikan perhatian, di samping enakmen negeri lain. Kaedah pemetaan perundangan dilakukan bagi melihat hubungan kait peruntukan sedia ada dalam aplikasi penguatkuasaan jenayah ruang siber. Bagi menyokong kajian ini, reka bentuk kualitatif digunakan. Pengumpulan data dilakukan melalui kaedah dokumentasi. Seterusnya, data dianalisis menggunakan kaedah analisis kandungan kualitatif melalui pendekatan induktif dan komparatif. Dapatan kajian menunjukkan bahawa peruntukan sedia ada melalui Seksyen 70 Akta 560 perlu diperincikan dan diaplikasikan terhadap jenayah syariah di ruang siber. Namun begitu, terdapat beberapa cadangan dan keperluan, seperti satu garis panduan melalui Arahan Amalan Kehakiman Syariah untuk dibina dan dikuatkuasakan agar dapat dijadikan asas dan panduan terhadap mahkamah syariah yang berlainan bidang kuasa di setiap negeri dalam penyabitkan kesalahan jenayah syariah di ruang siber.

Kata kunci: Kesalahan jenayah syariah, jenayah siber, bidang kuasa mahkamah syariah, Akta Tatacara Jenayah Syariah, penguatkuasaan jenayah siber, ruang siber

Abstract

Syariah criminal offences, once conventional in nature, have evolved in the modern era, often being associated with cybercrimes that transcend geographical boundaries. However, Syariah courts remain confined to their respective state jurisdictions, as stipulated under Schedule 2, Ninth Schedule of the Federal Constitution. This raises a critical question: are the existing legal provisions still relevant and effective in combating Syariah cybercrimes, or is there a need for legal reform? Accordingly, this study highlights the need to examine Section 70 of the Syariah Criminal Procedure (Federal Territories) Act 1997 [Act 560], along with relevant state enactments. A legal mapping method was adopted to explore the interconnection and applicability of current legal provisions in the context of cybercrime enforcement. To support this inquiry, a qualitative research design was employed. Data were collected through document

analysis, and further analysed using qualitative content analysis through inductive and comparative approaches. The findings reveal that existing legal provisions under Section 70 of Act 560 require further specification and contextual application in addressing Syariah criminal offences committed in cyberspace. The study proposes the formulation of comprehensive guidelines, such as a Syariah Judicial Practice Direction, to create a uniform framework across various state jurisdictions. This would promote consistency, coordination, and enforcement of Syariah law in the face of contemporary cyber challenges.

Keywords: Syariah criminal offences, cybercrimes, jurisdiction of Syariah courts, Syariah Criminal Procedure Act, cybercrime enforcement, cyberspace

PENDAHULUAN

Perkembangan pesat teknologi internet membawa perubahan dalam landskap sosial, ekonomi dan perundangan di seluruh dunia (Kanwar, 2021). Di Malaysia, impak teknologi ini turut dirasai dalam bidang perundangan syariah, khususnya dalam konteks jenayah syariah yang kini makin kompleks dengan kemunculan jenayah siber (Khairul Azhar Meerangani et al., 2022). Aktiviti jenayah syariah yang dahulunya bersifat konvensional, seperti pelacuran, qazaf, penipuan zakat, wakaf dan judi, kini telah berevolusi menggunakan medium baharu melalui platform medial sosial, seperti Telegram, Youtube, Facebook dan X.

Mahkamah syariah di Malaysia beroperasi berdasarkan bidang kuasa negeri masing-masing sebagaimana yang diperuntukkan dalam Jadual Kesembilan Senarai II (Senarai Negeri) Perlembagaan Persekutuan. Pengagihan bidang kuasa ini menekankan bahawa setiap mahkamah syariah hanya mempunyai bidang kuasa di negeri masing-masing dan tidak boleh melangkaui sempadan geografi tersebut. Dalam konteks jenayah siber yang bersifat tanpa sempadan, pembatasan ini menimbulkan cabaran dalam penguatkuasaan undang-undang syariah. Sebagai contoh, pelaku jenayah mungkin berada di suatu negeri, manakala impak jenayah pula dirasai di negeri lain, bahkan sehingga di luar negara. Keadaan ini menimbulkan persoalan penting, sama ada peruntukan undang-undang syariah sedia ada masih relevan dan mencukupi untuk menangani cabaran jenayah siber, atau adakah terdapat keperluan untuk pemindaan dan penyesuaian undang-undang tersebut.

Satu daripada undang-undang utama yang mengawal tatacara jenayah syariah di Malaysia ialah Akta Tatacara Jenayah Syariah

(Wilayah-wilayah Persekutuan) 1997 [Akta 560]. Seksyen 70 Akta 560 ini memperuntukkan tempat perbicaraan bagi kesalahan jenayah syariah. Namun begitu, peruntukan ini pada asalnya dirangka untuk situasi jenayah konvensional dan mungkin tidak mengambil kira kompleksiti jenayah siber yang melibatkan elemen maya. Oleh itu, kajian ini bertujuan untuk melihat hubung kait peruntukan Seksyen 70 Akta 560 dalam konteks aplikasi terhadap jenayah syariah siber. Hubung kait ini akan membantu memahami keupayaan pengaplikasian peruntukan sedia atau keperluan pemerinciannya bagi menangani cabaran baharu ini.

Selain itu, kajian ini juga menganalisis enakmen di setiap negeri untuk melihat, sama ada terdapat perbezaan atau persamaan dalam peruntukan mengenai tempat perbicaraan jenayah syariah dan caranya mempengaruhi penguatkuasaan jenayah siber.

KAJIAN LEPAS

Jenayah siber merupakan suatu fenomena jenayah moden yang makin berkembang seiring dengan kemajuan teknologi maklumat dan komunikasi. Walaupun tiada definisi yang diterima secara universal, jenayah siber secara umumnya merujuk tindakan jenayah yang menggunakan teknologi maklumat untuk melakukan atau memudahkan sesuatu jenayah (Murphy, 2024). Menurut International Organisation for Standardisation (ISO), jenayah siber didefinisikan sebagai “*the commission of criminal acts in cyberspace*”. Definisi ini mencerminkan hakikat bahawa jenayah siber tidak semestinya satu bentuk jenayah baharu, tetapi lebih kepada satu evolusi jenayah konvensional yang kini dilakukan dalam sekitaran digital.

Jenayah siber dikategorikan kepada dua bentuk utama, iaitu jenayah berasaskan siber (cyber-dependent crime) dan jenayah berpunca daripada siber (cyber-enable crime) (Murphy, 2024). Jenayah berasaskan siber merujuk kesalahan yang hanya boleh dilakukan melalui penggunaan teknologi digital, komputer atau rangkaian ICT (Junger, 2019; Staniforth, 2017). Jenayah ini sering menyasarkan sistem teknologi maklumat itu sendiri, termasuklah infrastruktur kritikal digital dan tidak boleh berlaku tanpa wujudnya teknologi moden ini. Antara contoh utama dalam kategori ini termasuklah penggodaman, iaitu pencerobohan sistem komputer tanpa kebenaran untuk mencuri maklumat sulit, mengubah data atau menyebabkan gangguan terhadap sistem.

Berbeza daripada jenayah berasaskan siber, jenayah berpunca daripada siber pula merujuk jenayah konvensional yang dipermudahkan

dan diperluas skopnya melalui penggunaan internet dan teknologi digital (Card, 2022; Michael, 2017). Walaupun secara teori jenayah ini boleh berlaku tanpa teknologi digital, perkembangan dunia maya menjadikannya lebih mudah, pantas dan sukar dikesan oleh pihak berkuasa. Contoh utama jenayah dalam kategori ini ialah penipuan dalam talian yang merupakan bentuk penipuan melalui teknik pemalsuan laman web atau e-mel untuk mendapatkan maklumat peribadi atau kewangan mangsa dan kegiatan judi dalam talian.

Dalam konteks Malaysia, jenayah syariah yang dilakukan dalam ruang siber tergolong dalam kategori jenayah yang berpunca daripada siber kerana jenayah ini merupakan kesalahan konvensional yang kini dilakukan atau dipermudah melalui teknologi digital. Menurut Mohd Sabree Nasri dan Ruzman Md Noor (2020), kesalahan jenayah syariah yang sering berlaku di ruang siber biasanya melibatkan tindakan menghina atau mempermainkan kesucian agama Islam, serta penyebaran doktrin yang bercanggah dengan ajaran Islam, terutamanya melalui platform media sosial, seperti Facebook. Menerusi Akta 560, pengkaji mendapati bahawa terdapat beberapa jenayah yang berpotensi dan telah dilakukan melalui ruangan siber. Kesalahan ini meliputi Seksyen 4 Doktrin Palsu (Bernama, 2021); Seksyen 7 Menghina Agama (Azmi Nordin, 2024; Tuan Nurhidayah Tuan Ab.Ghani, 2024); Seksyen 11 Mengajar Agama Tanpa Tauliah (Nurulain Ibrahim & Siti Aisyah Samudin, 2022); Seksyen 18 Berjudi (Sinar Harian, 2024); Hazelen Liana Kamarudin, 2024); Seksyen 21 Pelacuran dan Seksyen 22 (Muncikari Nurayuni Johari, 2024; Mohd Ridzaudhin Roslan, 2023).

Laporan yang berkaitan dengan kes berkenaan mencerminkan realiti bahawa jenayah tersebut berpotensi dan kini telah dilakukan dalam landskap jenayah moden yang makin kompleks dan mencabar. Sebagai contoh, dalam laporan oleh Bernama (2021), tiga individu didakwa di Mahkamah Syariah Selangor atas kesalahan di bawah Seksyen 7 Enakmen Jenayah Syariah Selangor 1995 kerana membawa doktrin yang bertentangan dengan hukum syarak, termasuklah melalui Facebook, serta di bawah Seksyen 9 enakmen yang sama atas kesalahan mempersenda al-Quran.

Tambahan pula, kendatipun Akta 559 mempunyai peruntukan seperti Seksyen 4 untuk doktrin palsu, Seksyen 7 menghina agama Islam dan Seksyen 18 untuk perjudian, tidak semua kes siber ini dapat diambil tindakan di bawah seksyen yang dinyatakan. Antara cabaran utamanya termasuklah kesukaran untuk menjejak dan mendakwa pelaku di ruang siber. Sifat unik jenayah siber yang tidak terikat pada sempadan geografi

dan bersifat tanpa lokasi fizikal yang jelas menimbulkan isu yang rumit dalam penentuan bidang kuasa dan pelaksanaan undang-undang (Wright, 2023). Dalam kajian analisis awal yang berkaitan dengan judi dalam talian, Tuan Muhammad Faris Hamzi Tuan Ibrahim et al. (2024) membincangkan cabaran dalam penguatkuasaan undang-undang mencabar apabila elemen penting dalam aktiviti jenayah siber (perjudian) dapat berlaku di negeri yang berbeza-beza sehingga menyebabkan pendakwaan dan penguatkuasaan lebih kompleks.

Cabaran penguatkuasaan undang-undang apabila elemen penting dalam aktiviti perjudian di negeri berbeza-beza memberikan kesan terhadap pendakwaan, seterusnya menyebabkan penguatkuasaan menjadi lebih rumit. Perbezaan lokasi elemen jenayah tersebut menyebabkan kesukaran dalam penentuan bidang kuasa pihak yang perlu bertanggungjawab apabila berlaku ketidakjelasan antara negeri yang memiliki kuasa penuh dengan negeri yang perlu mengawal atau mendakwa aktiviti tersebut.

Hasil carian kes mahkamah syariah yang berkaitan dengan kesalahan jenayah syariah di ruang siber melalui pengkalan data Lexis Nexis dan CLJ Prime, amat sukar ditemukan. Hal ini disokong oleh Nurulain Ibrahim dan Siti Aisyah Samudin (2022) yang menyatakan bahawa kes kesalahan jenayah syariah, seperti mengajar agama tanpa tauliah di ruang siber ini akan diklasifikasikan sebagai NFA, iaitu tiada tindakan susulan. Hal ini dikatakan demikian kerana penguatkuasaannya sebagai kesalahan jenayah syariah menghadapi cabaran tertentu yang menghalang pengambilan tindakan lanjut. Oleh itu, perbincangan melalui laporan kes mahkamah lepas yang berkaitan sukar dilaksanakan.

Seperti yang dimaklumi, sistem perundangan syariah bergantung pada prinsip bidang kuasa negeri, iaitu mahkamah syariah hanya mempunyai kuasa terhadap kesalahan yang dilakukan dalam sempadan geografi tertentu. Dalam konteks jenayah di ruang siber, prinsip ini menjadi kurang berkesan kerana beberapa faktor, seperti ketidakpastian lokasi pelaku. Tanpa lokasi fizikal yang jelas, untuk penentuan mahkamah negeri yang mempunyai bidang kuasa tersebut amat sukar dilakukan. Hal ini juga akan mengakibatkan kekosongan bidang kuasa. Kerana ini, tiada negeri yang dapat atau bersedia untuk mengambil tindakan. Selain itu, elemen kesalahan merentasi pelbagai bidang kuasa. Aktiviti jenayah siber sering melibatkan pelbagai negeri, sama ada melalui penggunaan infrastruktur teknologi atau elemen kesalahan yang dilakukan di lokasi yang berbeza-beza sehingga dapat menimbulkan isu bidang kuasa berganda dan potensi untuk berlakunya konflik perundangan syariah di setiap negeri.

Bagi menangani cabaran yang berlaku disebabkan oleh ketidakpastian bidang kuasa dalam jenayah siber syariah, terdapat keperluan mendesak untuk pemetaan peruntukan Seksyen 70 Akta Tatacara Jenayah dalam konteks perundangan syariah. Hubung kait ini amat penting untuk memastikan bahawa undang-undang syariah mampu menangani kes jenayah siber dengan lebih berkesan, terutamanya apabila lokasi kesalahan sukar ditentukan atau melibatkan pelbagai bidang kuasa.

METODOLOGI

Pengkaji menggunakan reka bentuk kualitatif yang bersesuaian dalam penelitian isu perundangan secara mendalam dan analitik. Dari sudut pengumpulan data, pengkaji menggunakan kaedah dokumentasi yang melibatkan penelitian sistematik terhadap Akta Tatacara Jenayah Syariah (Wilayah-wilayah Persekutuan) 1997 [Akta 560] dan enakmen negeri yang berkaitan, khususnya dalam aspek peruntukan mengenai bidang kuasa tempat perbicaraan kes jenayah. Selain itu, pengkaji turut meneliti sumber sekunder, seperti artikel akademik, penulisan sarjana, serta literatur dalam bidang perundangan syariah dan jenayah digital. Seterusnya, analisis data dilakukan menerusi pendekatan induktif bagi membina pemahaman secara progresif daripada teks perundangan terhadap prinsip umum yang tersirat, manakala pendekatan komparatif digunakan untuk membandingkan tahap keberkesanan dan keseragaman pelaksanaan peruntukan Seksyen 70 antara negeri dalam konteks penguatkuasaan jenayah syariah yang melibatkan unsur rentas sempadan geografi dan bidang kuasa. Gabungan antara kedua-dua pendekatan ini membolehkan pengkaji mengenal pasti jurang pelaksanaan undang-undang, serta merumuskan cadangan penambahbaikan perundangan yang lebih responsif dan relevan terhadap realiti jenayah siber dalam kerangka sistem keadilan jenayah syariah pada masa ini.

DAPATAN DAN PERBINCANGAN

Bahagian ini membincangkan tafsiran Seksyen 70 Akta Tatacara Jenayah Syariah (Wilayah-wilayah Persekutuan) [Akta 560], relevansi dan kefleksibelan enakmen setiap negeri melalui elemen yang sama dan cadangan pemartabatan tatacara jenayah syariah bagi menghadapi jenayah siber

Tafsiran Seksyen 70 Akta Tatacara Jenayah Syariah (Wilayah-wilayah Persekutuan) [Akta 560]

Akta 560 merupakan undang-undang utama yang mengawal selia tatacara jenayah syariah di Wilayah Persekutuan. Akta ini berfungsi sebagai panduan bagi pihak berkuasa dan mahkamah bagi menjalankan penyiasatan, pendakwaan dan perbicaraan kes jenayah. Satu daripada aspek utama dalam akta ini ialah penentuan tempat perbicaraan bagi kesalahan yang dilakukan, terutamanya apabila perbuatan jenayah dan akibatnya berlaku di lokasi yang berbeza-beza. Pada era digital yang makin maju, isu jenayah di ruang siber menjadi isu besar dalam sistem perundangan. Jenayah syariah, seperti pelacuran, qazaf, penipuan zakat, wakaf dan judi, kini sering melibatkan pelaku yang berada di lokasi geografi yang berbeza-beza. Oleh itu, pemahaman mengenai peruntukan undang-undang yang berkaitan dengan tempat perbicaraan adalah penting untuk menangani jenayah siber dengan berkesan.

Seksyen 70 Akta 560 mengandungi panduan yang berkaitan dengan keadaan apabila mahkamah syariah mempunyai bidang kuasa bagi membicarakan kesalahan yang melibatkan pelbagai kawasan atau apabila lokasi kesalahan tidak dapat ditentukan dengan jelasnya. Dengan berdasarkan peruntukan Seksyen 70 tersebut, beberapa elemen penting yang digariskan dalam peruntukan bagi situasi khusus, apabila mahkamah syariah mempunyai bidang kuasa untuk membicarakan kesalahan jenayah syariah walaupun terdapat kesukaran dalam penentuan lokasi tepat kesalahan tersebut dikenal. Elemen tersebut dibincangkan dalam subbahagian seterusnya.

Ketidakpastian Kawasan Perlakuan Jenayah

Apabila kawasan kesalahan tidak dapat dipastikan dengan tepatnya, kes tersebut boleh dibicarakan di mana-mana mahkamah yang mempunyai bidang kuasa dalam mana-mana kawasan yang mungkin terlibat. Hal ini dapat berlaku dalam situasi apabila bukti jenayah tidak dapat menunjukkan lokasi spesifik kesalahan, tetapi terdapat kemungkinan jenayah itu berlaku di beberapa tempat. Dalam keadaan ketidakpastian lokasi, peruntukan ini memberikan kefleksibelan untuk memastikan kes boleh dibicarakan dan tidak terhalang oleh kekangan bidang kuasa tempatan. Selain itu, dalam kes apabila bukti tidak mencukupi dalam penentuan lokasi kesalahan, peruntukan ini dapat memastikan bahawa pelaku tidak terlepas daripada pendakwaan hanya kerana aspek teknikal. Hal ini penting bagi mengekalkan integriti sistem keadilan dan memastikan bahawa semua kesalahan dapat dibicarakan dengan adilnya.

Kesalahan Jenayah Dilakukan dalam Pelbagai Bidang Kuasa Negeri

Apabila sebahagian kesalahan dilakukan di satu kawasan dan sebahagian yang lain di kawasan lain, kes boleh dibicarakan di mana-mana mahkamah di kawasan tersebut. Hal ini penting dalam kes apabila kesalahan itu melibatkan beberapa tindakan yang berlaku di lokasi yang berbeza-beza. Peruntukan ini juga penting bagi menangani kes yang melibatkan konspirasi atau rangkaian jenayah yang beroperasi merentasi sempadan geografi. Perkara ini memastikan bahawa seluruh kesalahan dapat ditangani secara menyeluruh dalam satu perbicaraan, serta mengurangkan risiko percanggahan keputusan atau hukuman yang tidak konsisten.

Kesalahan Berterusan dan Terus Dilakukan dalam Lebih daripada Satu Had Bidang Kuasa Negeri

Bagi kesalahan yang berterusan dan dilakukan di lebih daripada satu kawasan, perbicaraan boleh dilaksanakan di mana-mana mahkamah yang mempunyai bidang kuasa yang kesalahan itu berterusan berlaku. Kesalahan sebegini bersifat berpanjangan dan tidak terhad pada satu perbuatan atau lokasi tunggal, seterusnya menjadikannya lebih kompleks untuk dikendalikan. Oleh itu, pendekatan sebegini memudahkan proses pendakwaan tanpa perlu memecahkan kes kepada beberapa perbicaraan di lokasi yang berbeza-beza. Hal ini memudahkan pihak berkuasa untuk mengumpulkan bukti dan melakukan pendakwaan tanpa perlu memecahkan kes kepada beberapa perbicaraan yang mungkin mengganggu aliran keadilan. Pendekatan ini juga menghalang pelaku daripada mengeksploitasikan jurang dalam sistem perundangan dengan berpindah-pindah untuk mengelakkan pendakwaan.

Kesalahan Terdiri daripada Beberapa Perbuatan dalam Had Bidang Kuasa yang Berlainan

Jika kesalahan terdiri daripada beberapa perbuatan yang dilakukan di kawasan yang bidang kuasanya yang berlainan, kes boleh dibicarakan di mana-mana mahkamah yang mempunyai bidang kuasa terhadap mana-mana perbuatan tersebut. Walaupun berlaku di tempat yang berbeza-beza, kesalahan itu boleh dibicarakan bersama-sama, jika merupakan sebahagian daripada kesalahan yang sama. Dengan cara membenarkan perbicaraan dilakukan di satu mahkamah, kecekapan sistem perundangan dapat ditingkatkan dan kesalahan dapat ditangani secara holistik. Perkara ini juga mengurangkan

beban yang perlu ditanggung oleh saksi dan mangsa yang mungkin perlu hadir di beberapa lokasi jika perbicaraan diadakan secara berasingan.

Secara keseluruhannya, Seksyen 70 Akta Tatacara Jenayah Syariah berperanan penting dalam penyediaan panduan mengenai bidang kuasa mahkamah syariah bagi membicarakan kes jenayah syariah dalam situasi yang mungkin rumit atau melibatkan beberapa kawasan geografi. Elemen yang ditetapkan dalam peruntukan ini memberikan kefleksibelan dan kejelasan kepada pihak berkuasa untuk memastikan bahawa semua kesalahan dapat diadili secara berkesan tanpa halangan teknikal atau kekangan bidang kuasa. Pendekatan ini bukan sahaja membantu memastikan keadilan dapat dicapai, malah memperkukuh integriti sistem perundangan syariah dengan memastikan bahawa pelaku kesalahan tidak terlepas daripada pendakwaan hanya disebabkan oleh aspek geografi. Oleh itu, Seksyen 70 ialah asas penting yang memastikan mahkamah syariah dapat melaksanakan fungsinya dengan efektif dan adilnya dari segi melindungi hak individu dan masyarakat.

Hubung Kait Seksyen 70 Akta Tatacara Jenayah Syariah (Wilayah-wilayah Persekutuan) terhadap Jenayah Syariah Siber

Peruntukan dalam Seksyen 70 ini menunjukkan keanjalan undang-undang dari segi menangani kes yang kompleks dan merentasi sempadan geografi. Hal ini memastikan bahawa keadilan tidak terhalang oleh batasan teknikal, seperti lokasi kesalahan, dan pelaku tidak dapat mengelakkan diri daripada tanggungjawab melalui manipulasi sempadan bidang kuasa. Dalam konteks mahkamah syariah, peruntukan ini juga penting bagi memastikan bahawa kesalahan jenayah syariah dapat dibicarakan dengan berkesannya, terutamanya dalam masyarakat moden yang mobiliti dan interaksinya merentasi pelbagai kawasan. Malah, keadaan ini juga selaras dengan prinsip maqasid syariah yang menekankan keadilan dan kemaslahatan umum. Namun begitu, kerelevanan peruntukan tersebut untuk dikuatkuasakan terhadap jenayah siber masih menjadi persoalan. Dalam hal ini, Pemetaan antara elemen Seksyen 70 dengan elemen jenayah siber menunjukkan bahawa peruntukan undang-undang sedia ada dalam Akta 560 mampu menangani cabaran jenayah di ruang siber, terutamanya dari segi penentuan bidang kuasa. Seksyen 70 memberikan kefleksibelan kepada mahkamah syariah

untuk mengatasi ketidakpastian lokasi pelaku dan kesalahan dengan membenarkan perbicaraan di mana-mana bidang kuasa yang terkesan.

Kesannya, kefleksibelan yang diberikan oleh Seksyen 70 sebenarnya dapat meningkatkan keupayaan sistem perundangan syariah bagi menghadapi cabaran jenayah siber yang kompleks dan merentasi sempadan geografi. Dengan membenarkan perbicaraan dijalankan tanpa terikat pada batasan bidang kuasa negeri yang ketat, mahkamah syariah dapat memastikan bahawa pelaku jenayah siber tidak terlepas daripada tindakan undang-undang. Hal ini selaras dengan prinsip maqasid syariah yang menekankan keadilan, kemaslahatan umum dan perlindungan masyarakat daripada kemudaratan. Oleh itu, peruntukan Seksyen 70 ialah instrumental bagi memastikan undang-undang syariah kekal relevan dan efektif pada era digital yang sentiasa berubah.

Relavansi dan Kefleksibelan Enakmen Setiap Negeri melalui Elemen yang Sama

Kefleksibelan ini sebenarnya perlu terpakai kepada setiap enakmen negeri, bukannya di bawah Akta Tatacara Jenayah Syariah (Wilayah-wilayah Persekutuan) [Akta 560] sahaja bagi mengelakkan konflik bidang kuasa. Hal ini dikatakan demikian kerana undang-undang syariah di Malaysia berada di bawah bidang kuasa negeri dan setiap negeri mempunyai enakmen jenayah syariahnya sendiri. Tanpa penyeragaman peruntukan seperti Seksyen 70 dalam enakmen negeri lain, kemungkinan besar akan timbul isu konflik bidang kuasa dan ketidakseragaman dalam penguatkuasaan. Oleh itu, adalah penting untuk memastikan bahawa kefleksibelan yang diberikan oleh Seksyen 70 diaplikasikan secara konsisten di semua negeri agar sistem perundangan syariah dapat menghadapi cabaran jenayah siber dengan lebih efektif dan memastikan keadilan ditegakkan tanpa halangan teknikal mengenai bidang kuasa tempatan.

Peruntukan Seksyen 70 atau yang setara dengannya wujud dalam enakmen tatacara jenayah syariah di setiap negeri di Malaysia, iaitu Selangor, Kedah, Pulau Pinang, Perak, Johor, Perlis, Kelantan, Sabah, Pahang, Terengganu, Sarawak dan Melaka. Setiap elemen yang terkandung dalam Seksyen 70 Akta 560 turut digunakan dalam enakmen negeri tersebut. Hubung kait ini menunjukkan bahawa terdapat keseragaman dalam peruntukan yang membenarkan kefleksibelan penentuan bidang kuasa dalam kalangan negeri. Oleh itu, mahkamah syariah memiliki asas perundangan yang kukuh bagi mengatasi beberapa isu yang berkaitan

dengan bidang kuasa kesalahan jenayah syariah yang melibatkan ketidakpastian lokasi dan perbuatan yang berlaku di pelbagai tempat sebagaimana yang dibincangkan sebelum ini. Namun demikian, tidak dapat dinafikan bahawa kesalahan yang merentas sempadan geografi yang berlaku di ruang siber semestinya memerlukan pembuktian dalam bentuk digital. Oleh itu, bagi memastikan Seksyen 70 ini dikuatkuasakan pada tahap sepatutnya, beberapa cadangan perlu dititikberatkan bagi memastikan pendakwaan jenayah yang berkaitan di ruang siber ini berjalan lancar bermula daripada aduan kes sehingga selesainya pendakwaan.

Cadangan Pemartabatan Tatacara Jenayah Syariah bagi Menghadapi Jenayah Siber

Dengan berdasarkan analisis terhadap Seksyen 70 Akta 560 dan cabaran dalam perkembangan jenayah siber, dikemukakan cadangan yang dapat memperkukuh keberkesanan undang-undang ini dalam konteks yang lebih moden.

Penggubalan Arahan Amalan Kehakiman Khusus bagi Jenayah di Ruang Siber

Cadangan ini adalah untuk mewujudkan arahan amalan kehakiman khusus bagi mahkamah syariah dalam menangani jenayah siber. Menurut Mazni Abdul Wahab (2016), Arahan Amalan JKSM merupakan dokumen rasmi yang dikeluarkan oleh Ketua Pengarah JKSM atau ketua hakim syarie, yang mengandungi garis panduan prosedur atau dasar tertentu yang wajib diikuti dan dipatuhi, meskipun dokumen ini tidak mempunyai status perundangan formal. Terdapat banyak kes di mahkamah syariah yang merujuk Arahan Amalan sebagai panduan dalam prosiding/perbincangan, sekali gus memperlihatkan peranannya yang seakan-akan mempunyai kuasa undang-undang. Misalnya, dalam kes *Muhammad Shariff Leong lwn Noraidalena* [2012] JH 34(1) 94, hakim menyatakan bahawa Arahan Amalan memiliki bidang kuasa yang sama seperti peruntukan statut. Kes lain, seperti *Re Nor Farah Ain Shazlin dan Timothy John Smith lwn Norliza Ali* [2017] JH 44(1), turut merujuk Arahan Amalan dalam prosedur dan tuntutan harta sepencarian. Dalam kes lain pula, terdapat panel rayuan yang menekankan kepentingan Arahan Amalan dalam kes, seperti *Zainal Abidin lwn Natasya Gabriel dan Suip Saniman lwn Salomah Saat* [2018] JH 46(1), kerana membantu menegakkan prinsip keadilan.

Tambahan pula, Zubaidi Sulaiman dan Ahmad Hidayat Buang (2021) menjelaskan bahawa berdasarkan Peraturan-peraturan Pegawai Awam 1993, kegagalan mana-mana pegawai, termasuklah hakim syarie atau pegawai mahkamah syariah, untuk mematuhi Arahan Amalan yang dikeluarkan secara sah oleh ketua hakim syarie boleh dianggap sebagai ingkar perintah dan cuai dalam pelaksanaan tugas, serta boleh dikenakan tindakan disiplin. Oleh itu, Arahan Amalan ini dapat berfungsi sebagai panduan praktikal bagi situasi apabila bidang kuasa mungkin sukar ditentukan, seterusnya dapat membantu mengatasi masalah kekosongan bidang kuasa (jurisdictional vacuum). Meskipun begitu, Arahan Amalan yang dikeluarkan oleh JKSM dan ditandatangani oleh ketua pengarah atau ketua hakim syarie JKSM ini tidak berkuat kuasa atau terpakai serta-merta di semua mahkamah syariah negeri. Pengesahan daripada ketua hakim syarie negeri perlu diperoleh terlebih dahulu sebelum Arahan Amalan tersebut boleh dikuatkuasakan dan dilaksanakan di negeri masing-masing (Zubaidi Sulaiman & Ahmad Hidayat Buang, 2021).

Penggunaan Teknologi Forensik Digital bagi Menyokong Pembuktian melalui Ra'yul Khair

Menurut Siti Zubaidah Ismail (2017), pada masa ini, penguatkuasa agama menghadapi pelbagai cabaran dalam pelaksanaan penguatkuasaan disebabkan oleh perkembangan pesat teknologi dan medium penyebaran maklumat yang makin moden, canggih dan pantas. Situasi ini menimbulkan persoalan dan cabaran mengenai kaedah terbaik untuk membendung kesalahan jenayah syariah yang berlaku di ruang siber. Oleh sebab kes jenayah siber sering melibatkan bukti elektronik yang bersifat maya, mahkamah syariah perlu meningkatkan penggunaan teknologi forensik digital bagi membantu penentuan lokasi pelaku atau aktiviti jenayah. Menerusi kajian Pasupuleti (2024), didapati bahawa forensik digital dapat membantu memperjelas elemen yang terlibat dan menyokong keabsahan bukti digital dalam kes yang berlaku di ruang siber. Bahkan, Ahmad Syukran Baharuddin et al. (2015) telah lama mencadangkan agar badan penguatkuasa syariah dilengkapi makmal kriminologi (forensik) yang terakreditasi. Pengkaji tersebut menegaskan bahawa makmal forensik syariah perlu diterjemahkan melalui suatu kerangka atau model yang komprehensif, merangkumi aspek akreditasi yang patuh syariah, pematuhan terhadap etika forensik Islam, penggunaan peralatan yang kompeten dan selaras dengan prinsip syariah, serta sistem operasi yang

dikendalikan oleh ahli sains yang memenuhi kriteria dan kelayakan yang ditetapkan.

Dalam konteks ini, keperluan terhadap pendapat pakar (Ra'yul Khabir) sebagaimana Seksyen 33 Akta Keterangan Mahkamah Syariah (Wilayah-wilayah Persekutuan) dan hampir semua enakmen negeri perlu ditekankan. Seiring dengan perkembangan pesat sains dan teknologi, serta peningkatan jenayah siber, penggunaan keterangan pakar melalui sains forensik dalam konteks Islam dapat membantu siasatan dan memperoleh bahan untuk kes jenayah.

Kerjasama antara Negeri dan Pihak Berautoriti dalam Penguatkuasaan Jenayah Siber

Sifat jenayah siber yang tidak terbatas oleh sempadan fizikal memerlukan kerjasama antara pelbagai pihak berautoriti. Oleh itu, mekanisme kolaborasi antara mahkamah syariah, pihak berkuasa penguatkuasaan di pelbagai negeri dan berautoriti perlu diwujudkan untuk memperkuat penegakan undang-undang syariah secara menyeluruh.

Menurut Nurulain Ibrahim dan Siti Aisyah Samudin (2022), kesalahan yang berlaku dalam media sosial berada di bawah tanggungjawab Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia (SKMM), yang diberi kuasa melalui Akta Komunikasi dan Multimedia 1998. Akta ini digubal untuk menyelia dan mengawal aktiviti komunikasi dan multimedia di Malaysia. Dengan berdasarkan temu bual pengkaji ini dengan pegawai SKMM, kerjasama perlu diwujudkan antara bahagian penguatkuasaan undang-undang jenayah syariah dengan Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia untuk memastikan penguatkuasaan terhadap kesalahan, seperti mengajar agama tanpa tauliah dalam media sosial, dapat dilaksanakan.

Latihan dan Peningkatan Kemahiran untuk Pegawai Penguat Kuasa Agama dan Pegawai Mahkamah

Pegawai yang terlibat perlu diberi latihan dalam aspek teknikal jenayah siber dan forensik digital untuk memahami dan mengurus bukti elektronik dengan efektifnya. Kemahiran ini penting dalam pengendalian kes yang melibatkan bukti digital yang mungkin rumit dan teknikal sifatnya. Menurut Musa Awang (2015) (Presiden Persatuan Peguam Syarie Malaysia ketika itu), PPA perlu mahir melaksanakan prosedur, seperti siasatan

dan penyediaan laporan lengkap, sebelum diserahkan kepada bahagian pendakwa. Namun begitu, banyak PPA yang tidak mempunyai latar belakang undang-undang syariah. Kekurangan latihan dan perpindahan ke jawatan lain atau penamatan kontrak sebelum PPA mahir menghalang usaha membentuk PPA yang berpengetahuan dan berpengalaman. Hal ini turut ditekan oleh Ahmad Syukran Baharuddin (2017) dalam kajiannya yang menegaskan bahawa pembangunan modal insan dalam bidang forensik merupakan elemen penting untuk merealisasikan maqasid syariah, khususnya dalam pentadbiran keadilan syariah yang berhadapan dengan bukti saintifik dan digital. Pengkaji ini mengkritik ketiadaan kursus khusus forensik yang khusus dalam kurikulum pendidikan undang-undang syariah di institusi pengajian tinggi dan berpendapat bahawa jurang pengetahuan ini menghalang integrasi antara ilmu naqli dan aqli dengan sistem pendidikan syariah semasa. Oleh itu, beliau mencadangkan agar pendidikan forensik diperkenalkan secara sistematik dan diwajibkan kepada hakim, pendakwa, peguam dan pegawai penguat kuasa syariah untuk mempertingkatkan profesionalisme bagi menangani bukti saintifik di mahkamah.

Oleh itu, sudah tiba masanya bagi PPA yang terlibat untuk diberi latihan teknikal dalam tempoh masa yang cukup bagi menangani jenayah siber dengan lebih berkesan. Pihak atasan pula perlu meneliti kesan negatif yang akan berlaku sebelum berlakunya perpindahan dan penamatan kontrak pegawai yang terlibat.

KESIMPULAN

Pada era digital yang makin berkembang, kerelevanan dan keperluan bagi Seksyen 70 Akta Tatacara Jenayah Syariah (Wilayah-wilayah Persekutuan) bagi menangani cabaran jenayah siber yang kompleks perlu dititikberatkan. Melalui pemetaan peruntukan akta bersama enam negeri ini, didapati bahawa Seksyen 70 menyediakan kefleksibelan yang signifikan bagi mahkamah syariah untuk menghadapi batasan teknikal bidang kuasa dan melaksanakan perbicaraan terhadap kesalahan jenayah yang bersifat rentas sempadan, terutamanya dalam ruang siber yang tidak mengenal batasan geografi dan sifat uniknya yang tidak terikat terhadap lokasi fizikal. Walau bagaimanapun, pengkaji juga mencadangkan bahawa kefleksibelan yang disediakan dalam Seksyen 70 perlu dilengkapi beberapa inisiatif strategik untuk memastikan keberkesanannya pada era digital. Antaranya termasuklah pembangunan Arahan Amalan Kehakiman khusus

untuk menangani jenayah siber di mahkamah syariah bagi memberikan panduan yang seragam kepada pegawai mahkamah ketika mengurus kes siber. Selain itu, pengkaji turut menekankan penerapan teknologi forensik digital bagi membantu pengumpulan dan pembuktian bukti elektronik yang merupakan elemen kritikal dalam kes jenayah siber. Forensik digital dapat membantu pihak berkuasa dalam penentuan lokasi pelaku dan pengesahan bukti secara lebih terperinci yang bersesuaian dengan kehendak prosedur perundangan syariah.

Akhir sekali, pengkaji mencadangkan kerjasama yang lebih erat antara setiap negeri, begitu juga badan berkuasa, seperti Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) apabila menangani jenayah siber yang melibatkan pelbagai lokasi. Kerjasama ini dapat mempertingkatkan keberkesanan penguatkuasaan undang-undang syariah dan memastikan konsistensi pengaplikasian perundangan di seluruh negara. Tuntasnya, Seksyen 70 menyediakan asas yang fleksibel dan kukuh untuk mahkamah syariah bagi menangani jenayah siber secara efektif. Dengan adanya arahan kehakiman khusus, sokongan teknologi forensik dan kerjasama antara negeri, Seksyen 70 dapat berfungsi sebagai instrumen yang mantap bagi memastikan keadilan dan kemaslahatan umum terpelihara. Langkah ini juga sejajar dengan maqasid syariah yang menekankan kepentingan keadilan dan perlindungan masyarakat, serta memastikan undang-undang syariah terus relevan dan berdaya saing bagi menghadapi cabaran ruang siber.

PENGHARGAAN

Penulis merakamkan penghargaan kepada pihak pengurusan Akademi Tamadun Islam, Universiti Teknologi Malaysia, serta Fakulti Syariah dan Undang-undang, Universiti Sains Islam Malaysia atas segala sokongan dan bantuan yang diterima secara langsung ataupun tidak langsung dalam penyediaan makalah ini.

SUMBANGAN PENGARANG

Tuan Muhammad Faris Hamzi Tuan Ibrahim: Konsep dan reka bentuk kajian, pengumpulan data, penganalisan data, serta penyediaan draf awal dan akhir; Muhammad Sobri Faisal: Sokongan pengumpulan data dan semakan kandungan; Mohamad Aniq Aiman Alias: Sokongan

pemerayaan literatur dan penyusunan struktur penulisan; Ahmad Syukran Baharuddin: Semakan kandungan ilmiah dan penambahbaikan terhadap hujah serta struktur keseluruhan makalah.

PENDANAAN

Penerbitan ini dibiayai oleh Dewan Bahasa dan Pustaka.

PERISYTIHARAN

Konflik kepentingan: Pengarang tidak mempunyai sebarang konflik kepentingan dari segi kewangan dan bukan kewangan untuk diisytiharkan.

RUJUKAN

- Ahmad Syukran Baharuddin, Amidon Anan, Mohammad Amir Wan Harun, & Aminuddin Ruskam. (2015). Makmal kriminologi (forensik) terakreditasi bagi kegunaan mahkamah shari'ah: Suatu tinjauan awal. *Sains Humanika*, 5(3), 65–75. <https://doi.org/10.11113/sh.v5n3.668>
- Ahmad Syukran Baharuddin. (2017). *The integration of forensic science fundamentals and alqarmah towards achieving maqasid al-shariah* [Tesis doktor falsafah yang tidak diterbitkan]. Universiti Teknologi Malaysia.
- Akta Kesalahan Jenayah Syariah (Wilayah-wilayah Persekutuan) 1997 [Akta 559]. (1997). CommonLII – Malaysia Legislation. https://www.commonlii.org/my/legis/consol_act/scota1997420
- Akta Tatacara Jenayah Syariah (Wilayah-wilayah Persekutuan) 1997 [Akta 560]. (1997). CommonLII – Malaysia Legislation. https://www.commonlii.org/my/legis/consol_act/scpta1997451
- Azmi Nordin. (2024, 4 November). Hina, maki hamun agama Islam, NGO buat laporan polis. *Kosmo Digital*. <https://www.kosmo.com.my/2024/11/04/hina-maki-hamun-agama-islam-ngo-buat-laporan-polis/>
- Bernama. (2021). Doktrin palsu agama Islam: Ibu Yati, dua individu mengaku tidak bersalah. *Bernama*. <https://www.Bernama.Com/Bm/News.Php?Id=1986684>
- Card, R. (2022). Cyber-crime and computer misuse. Dlm. Andrew Staniforth & Babak Akhgar (Penyunting), *Blackstone's Police*. Oxford University Press. <https://doi.org/10.1093/law/9780192866165.003.0015>
- Enakmen Tatacara Jenayah Syariah (Kedah Darul Aman) 2014. (2014). <https://maik.kedah.gov.my/wp-content/uploads/2022/03/Enakmen-Tatacara-Jenayah-Syariah-Kedah-Darul-Aman-2014.pdf>

- Enakmen Tatacara Jenayah Syariah (Negeri Johor) 2003. (2003). https://fliphtml5.com/myaus/nvnu/4._ENAKMEN_TATACARA_JENAYAH_SYARIAH_%28NEGERI_JOHOR%29_2003_%3A_ENAKMEN_NO.19_TAHUN_2003/
- Enakmen Tatacara Jenayah Syariah (Negeri Kelantan) 2002. (2002). https://fliphtml5.com/myaus/bsmm/6._ENAKMEN_TATACARA_JENAYAH_SYARIAH_2002/
- Enakmen Tatacara Jenayah Syariah (Negeri Melaka) 2002. (2002). https://fliphtml5.com/myaus/rzxf/6._ENAKMEN_TATACARA_JENAYAH_SYARIAH_%28NEGERI_MELAKA%29_2002/
- Enakmen Tatacara Jenayah Syariah (Negeri Pahang) 2002. (2002). https://fliphtml5.com/myaus/rrcz/4._ENAKMEN_TATACARA_JENAYAH_SYARIAH_%28NEGERI_PAHANG%29_2002/
- Enakmen Tatacara Jenayah Syariah (Negeri Perlis) 2006. (2006). https://fliphtml5.com/myaus/evyn/5._Enakmen_Tatacara_Jenayah_Syariah2006/
- Enakmen Tatacara Jenayah Syariah (Negeri Pulau Pinang) 2004. (2004). <http://library.jksm.gov.my/cgi-bin/koha/opac-retrieve-file.pl?id=94913b16fa19e2b473a04212c99888b4>
- Enakmen Tatacara Jenayah Syariah (Negeri Selangor) 2003. (2003). <https://dewan.selangor.gov.my/assets/pdf/enakmen-negeri-selangor-volume-1-11/enakmen-negeri-selangor-volume-11.PDF>
- Enakmen Tatacara Jenayah Syariah (Perak) 2004. (2004). <https://dewan.perak.gov.my/wp-content/uploads/2024/11/Pk.-En.-5-2004-Syariah-Criminal-Procedure-Perak-Enactment-2004.pdf>
- Enakmen Tatacara Jenayah Syariah (Terengganu) 2001. (2001). <https://ptsldigital.ukm.my/jspui/handle/123456789/391702>
- Enakmen Tatacara Jenayah Syariah (Negeri Kelantan) 2002. (2002).
- Enakmen Tatacara Jenayah Syariah 2004 (Negeri Sabah). (2004). https://fliphtml5.com/myaus/taex/5.ENAKMEN_TATACARA_JENAYAH_SYARIAH_2006/
- Hazelen Liana Kamarudin. (2024, 23 Jun). Kota Bharu rekod judi online tertinggi di Kelantan tahun lalu. *Sinar Harian*. <https://www.sinarharian.com.my/article/671390/berita/semasa/kota-bharu-rekod-judi-online-tertinggi-di-kelantan-tahun-lalu>
- Junger, M. (2019). Cyber-offenders versus traditional offenders: An empirical comparison. *Tijdschrift Voor Criminologie*, 61(1), 103–108. <https://doi.org/10.5553/tvc/0165182x2019061001005>
- Kanwar, G. R. (2021). Role of internet and social media in socio-economic transformation. *International Journal of Advanced Research in Science, Communication and Technology*, 4(3), 61–67. <https://doi.org/10.48175/Ijarsct-V4-I3-009>

- Khairul Azhar Meerangani, Ahmad Faqih Ibrahim, Muhammad Yasin Omar Mukhtar, Muhammad Hilmi Mat Johar, Adam Badhrulhisham, & Muhammad Asyraf Ahmad Termimi. (2022). Cybercrime and its violation of digital platform security: An Islamic law perspective. *International Journal of Academic Research in Progressive Education and Development*, 11(3), 503–515. <https://doi.org/10.6007/Ijarped/V11-I3/14564>
- Mazni Abdul Wahab. (2016). Arahan amalan Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia di mahkamah syariah: Suatu sorotan literatur. *Journal of Shariah Law Research*, 1(2), 175–186. <https://doi.org/10.22452/jslr.vol1no2.1>
- Michael J, B. (2017). Digitally enabled (cyber) crime. Dlm. *Blackstone's police*. Oxford University Press. <https://doi.org/10.1093/law/9780198799016.003.0004>
- Mohd Ridzaudhin Roslan. (2023, 19 Jun). Ambil tindakan ke atas akaun *dark side*. *Kosmo Digital*. <https://www.kosmo.com.my/2023/06/19/ambil-tindakan-ke-atas-akaun-dark-side/>
- Mohd Sabree Nasri, & Ruzman Md Noor. (2020). Keterangan pendapat pakar sebagai kaedah pembuktian dalam kesalahan jenayah syariah di alam siber. *Journal of Law and Governance*, 3(1), 84–95.
- Musa Awang. (2015). Di manakah kita dalam pemantapan pentadbiran keadilan jenayah syariah? *Kanun: Jurnal Undang-undang Malaysia*, 27(1), 55–84.
- Nurayuni Johari. (2024, 29 September). 15 ditahan termasuk 11 wanita terlibat tempahan pelacur dalam talian. *Malaysiagazette*. <https://malaysiagazette.com/2024/09/29/15-ditahan-termasuk-11-wanita-terlibat-tempahan-pelacur-dalam-talian/>
- Nurulain Ibrahim, & Siti Aisyah Samudin. (2022). Cabaran penguatkuasaan undang-undang bagi kesalahan jenayah syariah mengajar agama tanpa tauliah di alam siber: Kajian di Bahagian Penguatkuasaan Undang-undang Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan. *Journal of Shariah Law Research*, 7(2), 241–272. <https://mojem.um.edu.my/index.php/jslr/article/view/40860>
- Ordinan Tatacara Jenayah Syariah (Sarawak) 2001 [Bab 46/2001]. (2001). https://syariah.sarawak.gov.my/web/attachment/show?docid=alcwcThWTEsNKzBkSUGvZ0UzLzdOQT09OjrF_2Q4ZwKpFS9Gb4LdhIx
- Pasupuleti, M. K. (2024). Digital forensics uncovering cyber evidence. Dlm. *Digital Forensic Science* (hlm. 41–49). National Education Services. <https://doi.org/10.62311/Nesx/97422614>
- Sinar Harian. (2024, 18 September). Bahana judi dalam talian. *Sinar Harian*. <https://www.sinarharian.com.my/article/686257/berita/semasa/bahana-judi-dalam-talian>
- Siti Zubaidah Ismail. (2017). *Undang-undang kesalahan jenayah syariah di Malaysia*. Universiti Malaya.

- Staniforth, A. (2017). Cyber-dependent crime. Dlm. M. Rowe (Penyunting), *Blackstone's police*. Oxford University Press. <https://doi.org/10.1093/oso/9780198723905.003.0007>
- Tuan Muhammad Faris Hamzi Tuan Ibrahim, Mohd Sobri Faisal, & Ahmad Syukran Baharuddin. (2024). Judi dalam talian: Analisis awal isu dan cabaran pendakwaan di bawah Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah di Malaysia. *Al-Qanatir: International Journal of Islamic Studies*, 33(4), 1–10. <https://al-qanatir.com/aq/article/view/945>
- Tuan Nurhidayah Tuan Ab.Ghani. (2024, 4 November). *Polis siasat lelaki hina Islam di media sosial*. *Kosmo Digital*. <https://www.kosmo.com.my/2024/11/04/polis-siasat-lelaki-hina-islam-di-media-sosial/>
- Wright, C. S. (2023). Geographical aspects of cybercrime: A literature review. *Social Science Research Network*. <https://doi.org/10.2139/ssrn.4521486>
- Zubaidi Sulaiman, & Ahmad Hidayat Buang. (2021). Keabsahan dan pemakaian arahan amalan dalam pentadbiran kehakiman dari perspektif undang-undang syariah dan sivil: Suatu perbandingan. *Kanun: Jurnal Undang-undang Malaysia*, 33(1), 29–50. [https://doi.org/10.37052/Kanun.33\(1\)No2](https://doi.org/10.37052/Kanun.33(1)No2)